

# Cadangan Pertubuhan Cina Terhadap Rancangan Malaysia Kesepuluh

## A Pendahuluan

Negara kita merupakan sebuah negara yang dibina dan dibangunkan bersama oleh rakyat berbilang kaum. Sehubungan itu, kewujudan dan kemakmuran bersama pelbagai bahasa dan budaya serta saling memahami, menghormati, menghargai dan mempelajari antara satu sama lain bukan sahaja sesuai diamalkan, malah menepati realiti masyarakat negara kita yang berbilang bangsa, dan seterusnya merealisasikan maklumat perpaduan rakyat, keharmonian masyarakat dan kemajuan negara. Pada hakikatnya, sekolah pelbagai aliran bahasa yang wujud di negara kita sekian lama ini bukan sahaja memperkayakan ciri-ciri kepelbagaian budaya dan masyarakat berbilang kaum negara kita, malah merupakan aset negara yang penting dan menjadi kelebihan daya saing negara.

Dalam menghadapi cabaran dan tekanan besar akibat daripada globalisasi ekonomi serta perluasan informasi, Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah untuk menjalankan transformasi pendidikan negara demi meletakbetulkan (*reposition*) sistem pendidikan negara selaras dengan trend perbaharuan pendidikan sedunia. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 mengemukakan konsep “pendidikan untuk semua” dan “pendidikan holistik” yang menegaskan bahawa warga merupakan aset

yang paling berharga bagi sesebuah negara, maka pembangunan modal insan adalah satu faktor penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Kami berpendapat bahawa kepelbagaian aliran pendidikan dan kandungan pendidikan yang pelbagai dapat melahirkan modal insan yang membolehkan negara kita memiliki kelebihan dalam menghadapi persaingan sedunia.

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia menghadapi cabaran dan tekanan besar dalam mendepani persaingan antarabangsa, maka pembangunan modal insan adalah amat penting untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Padahalnya, kejayaan agenda pembangunan modal insan bergantung kepada kualiti sistem pendidikan negara, terutamanya dari segi peningkatan kualiti pendidikan asas rakyat. Selaras dengan itu, dalam mendepani era baru globalisasi, ekonomi berasaskan pengetahuan serta kepelbagaian dan keterbukaan, kami menyeru kerajaan menetapkan akta dan dasar pendidikan yang adil dan terbuka, termasuk memperkasakan semua aliran sekolah supaya memberi layanan samarata kepada pembangunan pendidikan ibunda semua kaum di negara kita. Selain itu, kerajaan juga harus mendorong rakyat menguasai pelbagai bahasa dan menerapi kebudayaan dan

活动 / 专题

事件 / 专题

文献

图表与数据

编后语

编委会名单

nilai unggul setiap kaum bagi memupuk semangat kekitaan dan perpaduan, serta melahirkan warga yang berpandangan luas, progresif dan mampu bersaing. Ini dapat mamantapkan kelebihan dan memperkukuhkan lagi kedudukan negara kita dalam persaingan antarabangsa.

Besarliah harapan kami agar kerajaan dapat menyelesaikan isu-isu pendidikan yang dikemukakan oleh masyarakat Cina supaya sama-sama kita membina sebuah negara majmuk yang maju dan makmur.

## B Isu Pendidikan Dan Cadangan

### 1. Melaksanakan Satu Sistem Perancangan Dan Pembinaan Sekolah Yang Munasabah Bagi Semua Aliran Sekolah

Kebanyakan SJKC yang sedia ada pada hari ini telah wujud sebelum tahun 1957, setelah setengah abad berlalu, populasi masyarakat Cina telah mengalami satu perubahan yang besar, terutamanya

berikutan dengan perluasan peluang pendidikan serta proses perindustrian dan modenisasi negara, ramai penduduk luar bandar telah berpindah ke bandar dan menyebabkan penduduk di kawasan bandar meningkat secara mendadak. Bagaimanapun, kerajaan tidak membina SJKC baru yang mencukupi berdasarkan pertambahan dan perubahan taburan populasi masyarakat Cina, ini menyebabkan kawasan yang padat dengan penduduk Cina menghadapi masalah kekurangan SJKC. Di samping itu, SJKC yang terletak di kawasan pedalaman dan luar bandar menghadapi masalah kekurangan murid dan terpaksa ditutup atau berpindah ke lokasi lain.

Jadual (1) menunjukkan dari tahun 1970 hingga tahun 2009, sungguhpun bilangan murid SJKC telah bertambah seramai 180 ribu orang, namun bilangan SJKC tidak bertambah, sebaliknya telah berkurangan sebanyak 54 buah.

**Jadual (1): Bilangan Sekolah Dan Murid Mengikut Setiap Aliran Sekolah Rendah Di Seluruh Negara Bagi Tahun 1970, 1990 Dan 2009**

| Tahun       | SK               |                | SJKC             |                | SJKT             |                |
|-------------|------------------|----------------|------------------|----------------|------------------|----------------|
|             | Bilangan Sekolah | Bilangan Murid | Bilangan Sekolah | Bilangan Murid | Bilangan Sekolah | Bilangan Murid |
| 1970        | 4,277            | 1,046,513      | 1,346            | 439,681        | 657              | 79,278         |
| 1990        | 4,994            | 1,770,004      | 1,290            | 581,082        | 544              | 96,120         |
| 2009        | 5,795            | 2,368,562      | 1,292            | 627,699        | 523              | 109,086        |
| 1970 – 2009 | +1,518           | +1,322,049     | – 54             | +188,018       | – 134            | +29,808        |

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia

Mengikut kajian, daerah Petaling Jaya di Selangor dan Johor Bharu di Johor merupakan dua kawasan yang menghadapi masalah kekurangan SJKC yang amat serius, sungguhpun masyarakat Cina di kawasan tersebut telah banyak kali meminta kerajaan membina SJKC baru, namun sehingga hari ini masih belum mendapat kelulusan daripada kerajaan, ini menyebabkan SJKC yang sedia ada terpaksa menampung bilangan murid yang terlalu ramai sehingga tidak memenuhi garis panduan perancangan sekolah yang ditetapkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, iatu setiap sekolah rendah tidak harus melebihi 1050 orang dan maksimum purata bilangan murid setiap kelas ialah 35 orang (Jadual 2).

**Jadual (2): Bilangan SJKC, Murid, Kelas, Purata Bilangan Murid Setiap Sekolah dan Purata Bilangan Murid Setiap Kelas Bagi SJKC Di Petaling Jaya Dan Johor Bharu Tahun 2009**

| Kawasan       | Bilangan SJKC | Bilangan Murid | Bilangan Kelas | Purata Bilangan Murid Setiap Sekolah | Purata Bilangan Murid Setiap Kelas |
|---------------|---------------|----------------|----------------|--------------------------------------|------------------------------------|
| Petaling Jaya | 20            | 43,683         | 1,068          | 2184.15                              | 40.90                              |
| Johor Bharu   | 22            | 47,953         | 1,178          | 2179.68                              | 40.71                              |

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia

Berdasarkan dapatan kajian Jawatankuasa Pembangunan Sekolah-Sekolah Rendah Cina Daerah Petaling Jaya dan Johor Bahru, kedua-dua kawasan tersebut harus membina 10 buah SJKC supaya dapat mengatasi sepenuhnya masalah kekurangan SJKC di kawasan berkenaan. ( Jadual 3).

**Jadual (3): Cadangan Lokasi Membina SJKC Di Petaling Jaya Dan Johor Bharu**

| Kawasan       | Lokasi Yang Memerlukan SJKC                                                                                                                                             |
|---------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Petaling Jaya | Bilangan SJKC Yang Diperlukan : 8 buah<br>Lokasi: Kota Damansara (1), Bukit Rahman Putra (1), Damansara Damai (1), Kampung Subang (1), Puchong (3), Kampung Cempaka (1) |
| Johor Bharu   | Bilangan SJKC Yang Diperlukan : 2 buah<br>Lokasi: Kawasan Timur-Laut Johor Bahru, sekitar Taman Daya, Permas Jaya atau Johor Jaya.                                      |

Sumber: Jawatankuasa Pembangunan Sekolah-Sekolah Rendah Cina Daerah Petaling Jaya dan Johor Bahru.

### Cadangan-cadangan:

- (1) Berdasarkan Seksyen 28 yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, iaitu "Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Menteri boleh menubuhkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dan hendaklah menyanggarkan sekolah-sekolah itu", kerajaan harus memperuntukan tapak dan kewangan untuk membina 10 buah SJKC di Petaling Jaya dan Johor Bahru. Selain itu, kerajaan juga harus membina bilangan SJKC yang secukupnya di daerah Hulu Langat, Gombak dan Klang di Selangor, sekitar kawasan Kuala Lumpur termasuk Cheras dan lain-lain tempat yang padat dengan penduduk Cina supaya memenuhi keperluan masyarakat Cina terhadap pendidikan ibunda. Perpindahkan SJKC yang menghadapi masalah

kekurangan murid ke kawasan yang padat dengan penduduk Cina tidak harus digunakan sebagai pendekatan untuk menggantikan pembinaan SJKC baru. Kerajaan harus menyediakan pendidikan bahasa ibunda kepada semua kaum dengan membina aliran sekolah rendah yang diperlukan berdasarkan struktur penduduk dan permintaan masyarakat setempat, antaranya termasuk mengadakan rancangan yang teratur untuk memastikan kawasan perumahan yang padat dengan penduduk Cina diberi peruntukan kewangan dan tapak baru untuk membina SJKC secara automatik, iaitu seperti dengan cara dan prosedur membina SK;

- (2) Antara tahun 1999 hingga 2008, kerajaan telah meluluskan pembinaan 16 buah SJKC baru dan

perpindahan 75 buah SJKC. Bagaimanapun, sehingga hari ini, masih terdapat 8 buah SJKC baru dan 23 buah SJKC yang diluluskan untuk berpindah menghadapi masalah kewangan atau tidak mempunyai tapak sekolah, ini menyebabkan kerja pembinaan bangunan sekolah baru tersebut masih belum siap dibina. Justeru, kerajaan harus mengambil langkah menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah berkenaan, termasuk menyediakan tapak sekolah dan menanggung kos pembinaan supaya bangunan baru sekolah berkenaan dapat siap dibina dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-10;

- (3) Demi memastikan proses perpindahan SJKC yang telah mendapat kelulusan berpindah berjalan dengan lancar, kami meminta kerajaan memansuhkan syarat-syarat berikut, iaitu ① Bagi sekolah-sekolah yang masih mempunyai murid, persetujuan terhadap perpindahan secara bertulis perlu diperolehi daripada kesemua ibu bapa dan dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran. ② Lembaga Pengurus (LPS) dan PIBG sekolah berkenaan memperoleh tapak untuk perpindahan sekolah dan membina sendiri bangunan sekolah di tapak tersebut. ③ Tapak yang dicadangkan itu terletak di kawasan yang terdapat keperluan yang tinggi bagi sebuah

SJKC. ④ Tapak yang dicadangkan itu bukan tapak yang telah dirizabkan untuk sekolah kerajaan. ⑤ Maklumat berkaitan tapak tersebut dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran untuk mendapat persetujuan dan kelulusan. ⑥ Pihak sekolah mengemukakan kertas cadangan pembinaan baru di tapak baru bagi mendapat kelulusan Kementerian Pelajaran, dan ⑦ Premis sekolah di tapak asal ditutup sepenuhnya berikutan perpindahan ke tapak baru.

## 2. Memberi Peruntukan Kewangan Secara Adil Kepada Semua Aliran Sekolah

Selama ini, pemberian peruntukan kewangan kerajaan yang tidak seimbang kepada setiap aliran sekolah telah menyebabkan SJKC terpaksa mengutip derma untuk pembinaan bangunan sekolah atau memperbaiki bangunan sekolah dan menjalankan lain-lain kerja pembaikan dan pembangunan fizikal sekolah. Berdasarkan jumlah bilangan murid, SJKC seharusnya memperoleh peruntukan kewangan sebanyak RM 1.02 bilion (20.96%) semasa tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-9, tetapi pada hakikatnya, SJKC hanya diberi peruntukan sebanyak RM 174.34 juta, iaitu kurang sebanyak RM 850 juta (Jadual 4).

**Jadual (4): Peruntukan Pembangunan Bagi Setiap Aliran Sekolah Di Bawah Rancangan Malaysia ke-9 (2006-2010)**

| Sekolah                            | SK                        | SJKC                   | SJKT                  | Jumlah                  |
|------------------------------------|---------------------------|------------------------|-----------------------|-------------------------|
| Peruntukan (RM)                    | 4,598,120,000<br>(95.06%) | 174,340,000<br>(3.60%) | 64,840,000<br>(1.34%) | 4,837,300,000<br>(100%) |
| Bilangan Murid (Tahun 2006)        | 2,298,808<br>(75.74%)     | 636,124<br>(20.96%)    | 100,142<br>(3.30%)    | 3,035,074<br>(100%)     |
| Peruntukan Yang Sepatut Diperolehi | 3,663,771,020             | 1,013,898,080          | 159,630,900           | 4,837,300,000           |

Selain itu, SJKC juga menghadapi masalah bantuan per kapita (PCG) yang tidak mencukupi untuk membayar bil air dan bil elektrik, terutamanya bagi SJKC yang bertaraf sekolah bantuan modal, ini menyebabkan Lembaga Pengurus dan PIBG terpaksa menanggung sendiri segala bil air dan elektrik yang tertunggak. Bagi SJKC yang mempunyai masalah kewangan, bil elektrik akan tertunggak sehingga berlakunya ada di antara sekolah menerima amaran daripada TNB bahawa bekalan elektrik akan diputuskan.

#### Cadangan-cadangan:

- (1) Kami mencadangkan kerajaan memberi peruntukan pembangunan yang mencukupi dan saksama kepada setiap aliran sekolah rendah berdasarkan jumlah bilangan murid dan keperluan pembangunan asas setiap aliran sekolah rendah;
- (2) Sungguhpun Akta Pendidikan 1996 tidak membahagikan sekolah kepada sekolah bantuan penuh dan sekolah bantuan modal, tetapi Kementerian Pelajaran berdasarkan hak milik tapak sekolah, iaitu sama ada dimiliki oleh kerajaan atau lembaga pengurus sekolah sebagai panduan untuk memberi peruntukan kewangan kepada sekolah, ini menyebabkan sekolah bantuan modal tidak diberi bantuan kewangan yang sewajarnya. Misalnya di sesetengah negeri, Lembaga Pengurus atau PIBG bagi SJKC bertaraf sekolah bantuan modal terpaksa menanggung sendiri segala bil air dan elektrik yang tertunggak. Sehubungan itu, kerajaan harus memansuhkan klasifikasi sekolah mengikut sekolah bantuan penuh dan sekolah bantuan modal supaya memberi peruntukan pembangunan yang mencukupi dan saksama kepada setiap aliran sekolah rendah;
- (3) Kami tidak setuju dengan syarat kerajaan yang mengetatkan bahawa Lembaga Pengurus SJKC harus memiliki 80% kos pembinaan sebelum memulakan projek membina bangunan sekolah. Kami berpendapat bahawa masyarakat Cina secara sukarela mengutip derma untuk membangunkan sekolah merupakan satu tindakan

yang membantu kerajaan dalam membangunkan pendidikan negara dan melahirkan modal insan, maka ianya harus dihargai dan diberi galakan oleh kerajaan.

### 3. Menyelesaikan masalah kekurangan guru di SJKC

Mengikut statistik Kementerian Pelajaran, dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, SJKC memerlukan seramai 2000 hingga 3000 orang GSTT untuk mengisi kekosongan guru di sekolah. Pada setiap tahun, terdapat kira-kira 600 hingga 800 orang guru di SJKC bersara atau melanjutkan pelajaran. Selain itu, bermula tahun ini, Kementerian Pelajaran juga telah menambah baik norma perjawatan daripada 1.5n kepada 1.7n di semua aliran sekolah rendah secara berperingkat, ini telah menambah permintaan terhadap bilangan guru di SJKC. Maka kerajaan seharusnya menambah bilangan calon program latihan perguruan berdasarkan keperluan sebenar SJKC supaya masalah kekurangan guru dapat diatasi dengan sepenuhnya.

Selama ini, ketika menyentuh isu kekurangan guru di SJKC, Kementerian Pelajaran selalunya mengatakan masalah ini disebabkan pemuda-pemudi keturunan Cina tidak berminat menjadi guru. Bagi manapun, pada setiap kali pengambilan calon bagi kursus pengajian Bahasa Cina di IPG dilancarkan, ramai pemohon yang berkecualan telah ditolak.

#### Cadangan-cadangan:

- (1) Kerajaan harus mengadakan program latihan perguruan berdasarkan keperluan sebenar SJKC terhadap mata-mata pelajaran yang sedia ada. Kerajaan harus mengadakan satu pelan latihan perguruan SJKC yang profesional dan sistematik, antaranya termasuk menambah bilangan calon Pengkhususan Bahasa Cina di IPG, melatih guru dwibahasa yang menguasai bahasa Cina dan bahasa Malaysia, mengadakan KDC, serta membanteras sebarang penyelewengan dalam hal ehwal perguruan SJKC supaya masalah kekurangan guru terlatih di SJKC dapat diatasi dengan sepenuhnya;

- (2) Dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, SJKC sering dibelenggui oleh masalah di mana Jabatan Pelajaran Negeri tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membenarkan SJKC mendapatkan perkhidmatan guru ganti, ini telah menimbulkan masalah P&P dan pentadbiran sekolah tidak dapat dijalankan dengan lancar. Justeru, kami mencadangkan kerajaan menyediakan peruntukan yang mencukupi sepanjang tahun untuk membolehkan SJKC mendapatkan perkhidmatan guru ganti mengikut keperluan;
- (3) Pada masa kini, di antara 27 buah IPG, terdapat 15 buah IPG yang menawarkan Kursus Pengajian Bahasa Cina. Kementerian Pelajaran harus prihatin terhadap masalah kekurangan kira-kira 30 orang pensyarah kursus pengajian Bahasa Cina di IPG, dan seterusnya mengambil tindakan yang wajar untuk menambah bilangan pensyarah kursus pengajian Bahasa Cina supaya dapat mengurangkan beban tugas pensyarah kursus pengajian Bahasa Cina yang sedia ada, serta memastikan kursus pengajian Bahasa Cina dapat dijalankan secara lancar.

#### 4. Memperluaskan pelaksanaan ICT di SJKC

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 menegaskan kepentingan ICT, terutamanya dalam pendidikan supaya mempertingkatkan keberkesanan P&P. Langkah memperluaskan pelaksanaan ICT dalam bidang pendidikan adalah tepat pada masanya kerana ini merupakan suatu trend pembangunan pendidikan

sedunia. Bagaimanapun, dasar perluasan penggunaan ICT dalam bidang pendidikan hanya tertumpu di SK, manakala SJKC dan SJKT telah diabaikan. Ini menyebabkan SJKC terpaksa berusaha sendiri melalui pelbagai cara dan saluran untuk memantapkan penggunaan ICT dalam P&P.

#### Cadangan-cadangan:

- (1) Kami meminta kerajaan mencegah penyelewengan yang berlaku semasa memperluaskan pelaksanaan ICT dalam bidang pendidikan, sebaliknya kerajaan harus secara adil memperkasakan pelaksanaan ICT dalam bidang pendidikan dengan memastikan murid-murid semua aliran sekolah berpeluang menikmati penggunaan ICT;

#### 5. Memperluaskan pendidikan prasekolah di SJKC dan membuka Sekolah Pendidikan Khas aliran Bahasa Cina

Sejak tahun 2002, Kementerian Pelajaran telah secara berperingkat membuka kelas prasekolah di semua aliran sekolah rendah memandangkan kepentingan pendidikan awal terhadap perkembangan kanak-kanak. Mengikut statistik Kementerian Pelajaran sehingga 31 Januari 2009 (Jadual 5), kurang daripada 25% SJKC dan SJKT mempunyai kelas prasekolah, manakala terdapat 87% SK telah mempunyai kelas prasekolah, jurang yang amat berbeza di antara kelas prasekolah di SK berbanding dengan SJKC dan SJKT harus mendapat perhatian kerajaan.

**Jadual (5): Bilangan Kelas Prasekolah di SK, SJKC Dan SJKT  
(Statistik Sehingga 31 Januari 2009)**

| Sekolah | Bilangan sekolah | Bilangan Sekolah Yang Membuka Kelas Prasekolah | Peratusan (%) |
|---------|------------------|------------------------------------------------|---------------|
| SK      | 5,795            | 5,052                                          | 87.18         |
| SJKC    | 1,292            | 314                                            | 24.30         |
| SJKT    | 523              | 109                                            | 20.84         |
| Jumlah  | 7,610            | 5,475                                          | 71.94         |

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia

Terdapat juga 28 buah sekolah rendah pendidikan khas yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, tetapi langsung tidak ada sekolah rendah pendidikan khas yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Selain itu, hanya sebahagian kecil SJKC yang menyediakan kelas pendidikan khas.

#### Cadangan-cadangan:

- (1) Kami mencadangkan kerajaan memberi peruntukan kewangan yang mencukupi untuk SJKC mengadakan kelas prasekolah di bawah pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-10 supaya merealisasikan maklumat kerajaan untuk memperluas pendidikan prasekolah di sekolah rendah. Selain itu, kami juga mencadangkan kerajaan mengadakan sekolah rendah pendidikan khas yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar supaya murid-murid Cina yang berkeperluan khas berpeluang mendapat pendidikan ibunda.

#### 6. Menyelesaikan masalah kelas Bahasa Cina di sekolah menengah kebangsaan (SMK)

Pada setiap tahun, terdapat lebih kurang 85% murid-murid yang tamat pelajaran dari SJKC melanjutkan pelajaran mereka ke SMK. Kelas Bahasa Cina merupakan saluran penting bagi pelajar-pelajar SMK, khas pelajar-pelajar Cina mempelajari bahasa Cina. Bagaimanapun, oleh kerana bahasa Cina di luar jadual waktu persekolahan, ini menyebabkan SMK mengadakan kelas bahasa Cina dalam waktu persekolahan yang berlainan.

Sungguhpun Kementerian Pelajaran telah melantik jawatan Penolong Pengarah Bahasa Cina di setiap negeri sejak tahun 2000 untuk mengendalikan kelas bahasa Cina di SMK dan ini telah membawa kepada perkembangan kelas bahasa Cina SMK, namun demikian, kelas bahasa Cina masih tidak mendapat perhatian sepenuhnya daripada Kementerian pelajaran, lebih-lebih lagi, penyelewengan yang berlaku telah

menyebabkan kelas bahasa Cina SMK menghadapi pelbagai masalah. Misalnya di sesetengah SMK, pelajar-pelajar mempunyai keinginan mempelajari bahasa Cina, tetapi pihak sekolah tidak berhasrat untuk mengadakan kelas bahasa Cina atau kelas bahasa Cina diadakan diluar waktu persekolahan. Selain itu, kelas bahasa Cina SMK masih kekurangan kira-kira 450 orang guru bahasa Cina. Sekiranya masalah-masalah ini tidak diselesaikan, tentunya akan mendatangkan kesan negatif kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina serta jumlah pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Cina dalam peperiksaan awam juga akan berkurangan, dan seterusnya menjejaskan profesionalisme guru-guru bahasa Cina di SJKC dan SMK dari segi kualiti dan kuantiti.

#### Cadangan-cadangan:

- (1) Kami mencadangkan supaya kelas bahasa Cina dijadualkan di dalam waktu persekolahan, dan pada masa sama, mewajibkan murid-murid dari SJKC yang melanjutkan pelajaran di SMK mempelajari dan menduduki mata pelajaran Bahasa Cina dalam peperiksaan awam. Kami juga mencadangkan kerajaan memberi kemudahan kepada guru bahasa Cina supaya memperbaiki keadaan pengajaran dan pembelajaran kelas bahasa Cina dan memberi dorongan kepada penubuhan persatuan bahasa Cina serta aktiviti yang dijalankan;
- (2) Kami mencadangkan supaya kerajaan menetapkan dan mengadakan latihan perguruan yang sempurna untuk menambah bilangan pelatih pengajian Bahasa Cina supaya melatih tenaga pengajar yang mencukupi untuk kelas bahasa Cina di SMK.

#### 7. Menyokong pembangunan sekolah menengah persendirian Cina

Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) adalah sekolah yang bukan berasaskan

kepada keuntungan (*non-profit*) manakala kutipan yuran daripada para pelajarnya tidak cukup untuk menanggung kos operasi harian sekolah. Selama ini, SMPC memikul beban ekonomi yang berat dan sentiasa mengutip derma daripada masyarakat untuk membiayai kos pembangunan fizikal dan bukan fizikal sekolah.

SMPC mewajibkan semua pelajarnya mengambil dan menduduki peperiksaan mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris. Selain daripada mengambil peperiksaan Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate, UEC*) Sekolah-Sekolah Menengah Persendirian Cina anjuran Dong Jiao Zong, pelajar-pelajar SMPC juga boleh mengambil peperiksaan awam yang dianjurkan oleh kerajaan.

Pada masa sekarang, saiz pembangunan dan taraf akademik SPMC telah mencapai ke satu tahap tertentu yang membanggakan. Setiap tahun, SMPC melahirkan 6 ribu hingga 7 ribu orang tamatan menengah tinggi. Para tamatan tersebut mempunyai jalan keluar yang semakin banyak untuk melanjutkan pelajaran mereka. Sijil Peperiksaan Bersama SMPC yang dikeluarkan oleh Dong Jiao Zong mendapat sambutan meluas daripada pelbagai pihak. Sijil tersebut diterima oleh banyak institusi pengajian tinggi luar negara dan institusi pengajian tinggi swasta dalam negara sebagai salah satu kelayakan bagi permohonan kemasukan ke institusi-institusi pengajian tinggi tersebut. Walau bagaimanapun, kerajaan negara kita masih tidak mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama SMPC.

Jumlah pelajar SMPC semakin bertambah sejak beberapa tahun ini. Pada tahun 2009, kesemua 60 buah SMPC di negara kita mempunyai 60490 orang pelajar dan 3462 orang guru. Dalam tempoh 35 tahun kebelakangan ini, SMPC telah melahirkan sebanyak 180 ribu orang tamatan menengah tinggi yang mempunyai asas penguasaan tiga bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris. Para tamatan tersebut melanjutkan pengajian tinggi

dan memasuki bidang pekerjaan atau membina kerjaya sendiri di dalam negara dan luar negara. Mereka berjasa kepada negara dalam bidang politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan, masyarakat, sains, teknologi dan sebagainya.

Dalam 'Seminar Bahasa Kebangsaan dan Masyarakat Cina' yang diadakan pada 8 Jun 2009, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan bahawa Kementerian Pelajaran melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan menganjurkan siri latihan pengukuhan bahasa kebangsaan untuk guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah menengah persendirian Cina. Beliau berkata, ini adalah satu penghargaan kerajaan kepada peranan sekolah-sekolah menengah persendirian Cina dalam membangunkan modal insan negara. Mulai November 2009, DBP telah mengadakan program latihan secara berperingkat di beberapa kawasan untuk guru-guru Bahasa Malaysia sekolah menengah persendirian Cina.

Pada Disember 2009, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak dengan secara terbukanya telah memperakui sekolah-sekolah menengah persendirian Cina sebagai satu aset negara dan memuji sumbangan sekolah-sekolah tersebut dalam membangunkan modal insan negara. Y.A.B. Perdana Menteri juga berharap sekolah-sekolah menengah persendirian Cina terus diusahakan secara bersungguh-sungguh dan mengekalkan persekitaran persekolahan yang ceria untuk melahirkan lebih ramai lagi modal insan negara yang berkualiti.

Kami mengalu-alukan kerajaan memperakui sumbangan sekolah-sekolah menengah persendirian Cina kepada negara dan berharap kerajaan mengambil dasar dan tindakan yang adil, munasabah dan terbuka untuk menyokong pembangunan sekolah-sekolah tersebut. Kami menegaskan bahawa kerajaan bertanggungjawab memelihara hak dan kepentingan kewarganegaraan pelajar-pelajar negara kita dan

memberi layanan yang adil kepada mereka tanpa mengira aliran pendidikan atau jenis sekolah yang mereka mendapatkan pendidikan.

Oleh itu, kerajaan harus menyokong pembangunan pendidikan yang diusahakan oleh masyarakat. Ini termasuk memberi bantuan kewangan mengikut faktor-faktor seperti bilangan pelajar kepada sekolah-sekolah yang diusahakan secara bukan berasaskan kepada keuntungan (*non-profit*) umpamanya sekolah-sekolah menengah persendirian Cina.

#### Cadangan-cadangan:

- (1) Kerajaan harus mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate, UEC*) Sekolah-Sekolah Menengah Persendirian Cina dan menerima sijil tersebut sebagai salah satu kelayakan untuk permohonan kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam, institut pendidikan guru dan sektor perkhidmatan awam bagi melahirkan modal insan yang menyumbang kepada pembangunan negara, memberi perkhidmatan kepada orang ramai dan mengatasi masalah kekurangan guru Bahasa Cina;
- (2) Kerajaan harus mengambil kira bilangan pelajar dan keperluan pembangunan sekolah dalam pemberian bantuan kewangan tanpa sebarang syarat kepada sekolah-sekolah menengah persendirian Cina untuk menyokong pembangunan fizikal dan bukan fizikal sekolah-sekolah itu termasuk memberi bantuan kewangan kepada aktiviti-aktiviti pelajar dan sukan sekolah-sekolah tersebut agar mengurangkan beban ekonomi yang dipikul oleh masyarakat Cina dan pihak sekolah dalam usaha membangunkan pendidikan negara kita. Pemberian bantuan kewangan tersebut harus dilaksanakan secara bersistematik melalui rancangan pembangunan negara lima tahun (iaitu Rancangan Malaysia) dan belanjawan tahunan;

- (3) Kerajaan harus menerima Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate, UEC*) Sekolah-Sekolah Menengah Persendirian Cina sebagai salah satu kelayakan untuk permohonan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN);
- (4) Kerajaan telah memansuhkan yuran peperiksaan awam (UPSR, PMR, SPM, STPM) mulai tahun 2007 bagi pelajar-pelajar sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Kami berpendapat bahawa kerajaan juga harus memansuhkan yuran peperiksaan yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar sekolah swasta termasuk sekolah agama rakyat dan sekolah menengah persendirian Cina yang mengambil peperiksaan awam agar memberi layanan yang adil kepada semua warganegara;
- (5) Kerajaan harus mengambil tindakan berkesan untuk menghargai modal insan yang dilahirkan oleh sekolah-sekolah menengah persendirian Cina. Ini termasuk menjalin hubungan kerjasama dengan tenaga kepakaran rakyat kita yang berada di luar negara supaya dapat membawa balik pelbagai sumber pembangunan untuk kemajuan negara kita. Selain itu, kerajaan harus mengambil tamatan sekolah-sekolah menengah persendirian Cina untuk berkhidmat di dalam sektor perkhidmatan awam.

#### 8. Meluluskan pembinaan baru dan pembukaan semula sekolah menengah persendirian Cina

Selama ini, masyarakat Cina negara kita berhasrat membina sekolah-sekolah menengah persendirian Cina yang baru dan membuka semula sekolah-sekolah menengah persendirian Cina di beberapa kawasan seperti Petaling Jaya dan Kuantan. Pada masa ini, negara kita mempunyai 60 buah sekolah menengah persendirian Cina. Hanya negeri-negeri Perlis, Terengganu dan Pahang masih tidak mempunyai sekolah menengah persendirian Cina.

Pada tahun 1960-an, negeri Pahang mempunyai 8 buah sekolah menengah Cina (SMC). Kuantan, Raub, Kuala Lipis, Triang, Mentakab dan Cameron Highlands masing-masing mempunyai sebuah sekolah menengah Cina manakala Bentong mempunyai dua buah sekolah menengah Cina. Selepas 8 buah sekolah menengah Cina tersebut ditukar menjadi Sekolah Menengah

Jenis Kebangsaan (SMJK), masyarakat Cina tempatan menubuhkan 5 buah sekolah menengah persendirian Cina (SMPC) pada tahun 1961 dan 1962 di Kuantan, Raub, Kuala Lipis, Bentong dan Triang tetapi kelima-lima sekolah menengah persendirian Cina tersebut telah berhenti operasi sejak tahun 1964 hingga 1968.

**Jadual (6): Keadaan Sekolah Menengah Cina ditukar kepada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan di Negeri Pahang**

| Nama Asal Sekolah Menengah Cina (SMC)             | Tahun Ditukar Menjadi SMJK | Nama Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK)                 | Penubuhan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) | Tahun Penubuhan Sekolah Menengah Persendirian Cina | Tahun Sekolah Menengah Persendirian Cina Berhenti Operasi |
|---------------------------------------------------|----------------------------|---------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------|----------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|
| Sekolah Menengah Chong Hwa, Kuantan               | 1961                       | SMJK Kuantan                                                  | Ada                                                 | 1961                                               | 1964                                                      |
| Sekolah Menengah Chung Ching, Raub                | 1961                       | SMJK Chung Ching, Raub                                        | Ada                                                 | 1962                                               | 1965                                                      |
| Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Lipis           | 1962                       | SMJK Chung Hwa, Kuala Lipis                                   | Ada                                                 | 1962                                               | 1965                                                      |
| Sekolah Menengah Khai Mun, Bentong                | 1962                       | SMJK Khai Mun, Bentong                                        | Ada                                                 | 1962                                               | 1967                                                      |
| Sebuah sekolah menengah Cina di Triang            | 1962                       | SMJK Triang                                                   | Ada                                                 | 1962                                               | 1968                                                      |
| Sekolah Menengah Katholik, Bentong                | 1962                       | SMJK Katholik, Bentong                                        | Tidak Ada                                           | —                                                  | —                                                         |
| Sekolah Menengah Hwa Lian, Mentakab               | 1961                       | SMJK Hwa Lian, Mentakab                                       | Tidak Ada                                           | —                                                  | —                                                         |
| Sebuah Sekolah Menengah Cina di Cameron Highlands | 1962                       | SMJK Tengku Ahmad / SMJK Sultan Ahmad Shah, Cameron Highlands | Tidak Ada                                           | —                                                  | —                                                         |

Sumber: *Buku Ulang Tahun Ke-10 Gabungan Lembaga Pengurus Sekolah-Sekolah Cina Pahang yang diterbitkan pada tahun 1999.*

- Nota:
1. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Kuantan kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Putih, Kuantan.
  2. Pada tahun 1962, sebuah sekolah menengah Cina di Cameron Highlands digabungkan dengan sebuah sekolah menengah Inggeris dan ditukar menjadi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tengku Ahmad yang kemudiannya dikenali sebagai Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Sultan Ahmad Shah mulai tahun 1976.

Pada tahun 1990-an, masyarakat Cina tempatan membincangkan isu penubuhan sekolah menengah persendirian Cina di negeri Pahang. Gabungan Persatuan-Persatuan China Pahang, Persekutuan Dewan-Dewan Perniagaan Dan Perindustrian China Pahang, Gabungan Lembaga Pengurus Sekolah-Sekolah Cina Pahang dan Gabungan Persatuan-Persatuan Tionghua Kuantan bersama-sama melalui Menteri Sumber Manusia ketika itu Yang Berhormat Datuk Lim Ah Lek telah mengemukakan permohonan pembukaan semula Sekolah Menengah Persendirian Chong Hwa, Kuantan kepada Menteri Pendidikan ketika itu, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak pada 20 Oktober 1999.

Sehingga kini, masyarakat Cina masih berharap kerajaan meluluskan permohonan pembukaan semula Sekolah Menengah Persendirian Chong Hwa, Kuantan. Pada September 2009, Gabungan Lembaga Pengurus Sekolah-Sekolah Cina Pahang (GLPSCP) telah mengedarkan kertas soal selidik kepada kesemua 11 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Daerah Kuantan yang mempunyai 7500 orang murid. Soal selidik tersebut bertujuan mendapatkan pandangan ibu bapa berkenaan sokongan terhadap pembukaan semula Sekolah Menengah Persendirian Chong Hwa, Kuantan (SMPCH). Sebanyak 4768 kertas soal selidik yang mendapat respons telah dikembalikan kepada

GLPSCP.

Analisis kajian tersebut mendapati 3404 orang (71.4%) ibu bapa atau responden menyokong pembukaan semula SMPCH. Sebanyak 2456 orang (51.5%) responden bersetuju menghantar anak-anak mereka ke SMPCH. Oleh kerana negeri Pahang tidak mempunyai sekolah menengah persendirian Cina, maka terdapat hampir 1000 orang pelajar dari negeri Pahang sedang belajar di sekolah-sekolah menengah persendirian Cina negeri lain. Ini menunjukkan SMPCH mempunyai bilangan pelajar yang mencukupi sekiranya sekolah tersebut berjaya dibuka semula.

#### Cadangan-cadangan:

- (1) Kerajaan harus meluluskan secepat mungkin permohonan pembukaan semula Sekolah Menengah Persendirian Chong Hwa, Kuantan bagi memenuhi hak dan keperluan pelajar-pelajar negeri Pahang mendapatkan pendidikan bahasa ibunda di sekolah menengah persendirian Cina dan mengurangkan beban ekonomi yang dipikul oleh para ibu bapa;
- (2) Selain meluluskan permohonan pembukaan semula Sekolah Menengah Persendirian Chong Hwa, Kuantan, kerajaan juga harus meluluskan pembinaan sekolah-sekolah menengah persendirian Cina yang baru dan pembukaan semula sekolah-sekolah menengah persendirian Cina di kawasan-kawasan yang lain.

#### 9. Mempertingkatkan kualiti dan daya saing pendidikan tinggi serta menyokong pembangunan institusi pendidikan yang diusahakan oleh masyarakat

Dunia kini berada dalam era globalisasi dan masyarakat berasaskan pengetahuan. Persaingan antara negara meliputi persaingan modal insan. Sekiranya masalah-masalah kekurangan kualiti, daya saing dan persekitaran terbuka yang dihadapi oleh pendidikan tinggi negara kita masih tidak diatasi, maka

negara kita sukar menjadi sebuah pusat pendidikan serantau.

Keunikan kepelbagaian masyarakat di negara kita bukan sahaja mempunyai ciri-ciri yang terbentuk daripada Tamaddun Islam, China, India dan Barat, bahkan pembangunan pendidikan pelbagai aliran juga telah sampai ke suatu tahap pencapaian yang cukup membanggakan. Kesemua ini bermanfaat kepada negara kita untuk melahirkan modal insan yang mempunyai asas penguasaan pelbagai bahasa dan budaya melalui sistem pendidikan pelbagai aliran. Ini merupakan kelebihan daya saing masyarakat majmuk kita untuk memperkukuhkan kekuatan negara supaya meletakkan negara kita pada kedudukan yang lebih baik semasa menghadapi cabaran persaingan dunia

#### Cadangan-cadangan:

- (1) Kerajaan harus melaksanakan dasar pendidikan yang terbuka bagi menyokong pembangunan pelbagai aliran institusi pengajian tinggi, termasuk memberi bantuan kewangan kepada Kolej New Era, Kolej Selatan dan Kolej Han Chiang serta membenarkan mereka dinaik taraf ke tahap kolej universiti.
- (2) Kerajaan harus mengiktiraf ijazah-ijazah yang

dianugerah kepada warganegara kita yang melanjutkan pelajaran di Universiti Nanyang, universiti-universiti di China, Taiwan dan negara-negara lain berdasarkan taraf akademik. Pengiktirafan tersebut bukan sahaja untuk memperakui dan menggalakkan sumbangan mereka kepada negara, bahkan dapat mengelakkan kehilangan tenaga kepakaran ke luar negara (brain drain).

#### 10. Melaksanakan sistem merit dalam pengagihan biasiswa kerajaan dan pengambilan pelajar institusi pengajian tinggi awam

Selama ini, asas-asas yang digunakan oleh kerajaan dalam pengagihan biasiswa kerajaan dan pengambilan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan telah menimbulkan pelbagai kontroversi dan perasaan tidak puas hati. Ini menyebabkan permohonan biasiswa dan permohonan kemasukan oleh sebilangan pelajar cemerlang ke IPTA telah ditolak sehingga mengakibatkan modal insan tersebut mengalir ke luar negara. Masalah pengaliran modal insan ke luar negara itu amat merugikan negara sehingga kerajaan sukar menarik mereka kembali berkhidmat di negara kita.

**Jadual (7): Bilangan Biasiswa di bawah Program Ijazah Dalam Negara dan Program Ijazah Luar Negara yang ditawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Tahun 2000-2009**

| Tahun | Biasiswa Program Ijazah Dalam Negara |                 |        | Biasiswa Program Ijazah Luar Negara |                 |        | Jumlah Besar |
|-------|--------------------------------------|-----------------|--------|-------------------------------------|-----------------|--------|--------------|
|       | Bumiputra                            | Bukan Bumiputra | Jumlah | Bumiputra                           | Bukan Bumiputra | Jumlah |              |
| 2000  | 3,444<br>(91.52%)                    | 319<br>(8.48%)  | 3,763  | 598<br>(79.95%)                     | 150<br>(20.05%) | 748    | 4,511        |
| 2001  | 8,723<br>(90.00%)                    | 969<br>(10.00%) | 9,692  | 609<br>(80.03%)                     | 152<br>(19.97%) | 761    | 10,453       |
| 2002  | 6,643<br>(91.43%)                    | 623<br>(8.57%)  | 7,266  | 999<br>(79.98%)                     | 250<br>(20.02%) | 1,249  | 8,515        |
| 2003  | 4,340<br>(91.43%)                    | 407<br>(8.57%)  | 4,747  | 1,314<br>(79.98%)                   | 329<br>(20.02%) | 1,643  | 6,390        |

|       |                   |                   |                   |                   |                   |        |       |
|-------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|--------|-------|
| 2004  | 3,994<br>(90.28%) | 430<br>(9.72%)    | 4,424             | 1,187<br>(79.99%) | 297<br>(20.01%)   | 1,484  | 5,908 |
| 2005  | 4,693<br>(88.78%) | 593<br>(11.22%)   | 5,286             | 1,040<br>(80.00%) | 260<br>(20.00%)   | 1,300  | 6,586 |
| 2006  | 4,727<br>(82.17%) | 1,026<br>(17.83%) | 5,753             | 1,143<br>(76.20%) | 357<br>(23.80%)   | 1,500  | 7,253 |
| 2007  | 6,682<br>(88.21%) | 893<br>(11.79%)   | 7,575             | 1,170<br>(65.00%) | 630<br>(35.00%)   | 1,800  | 9,655 |
| 2008- | -                 | 10,000            | 1,100<br>(55.00%) | 900<br>(45.00%)   | 2,000             | 12,000 |       |
| 2009- | -                 | 8,000             | 1,176             | 924<br>(56.00%)   | 2,100<br>(44.00%) | 10,100 |       |

Sumber: Laporan akhbar bahasa Cina dan laporan tahunan Jabatan Perkhidmatan Awam.

#### Cadangan-cadangan:

- (1) Kerajaan harus melaksanakan sistem merit dalam pengagihan pelbagai jenis biasiswa yang ditawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Penawaran dan pengagihan biasiswa tersebut hendaklah terbuka kepada semua pelajar tanpa mengira kaum. Kerajaan harus mengumumkan kelayakan permohonan, kriteria pemilihan dan maklumat perangkaan bagi menjamin mekanisme dan proses penawaran dan pengagihan biasiswa yang telus, adil dan bertanggungjawab. Selain itu, kerajaan juga harus memantau dan menambah baik mekanisme dan proses penawaran dan pengagihan biasiswa tersebut;
- (2) Kerajaan harus menerima Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate, UEC*) Sekolah-Sekolah Menengah Persendirian Cina sebagai salah satu kelayakan untuk permohonan pelbagai jenis biasiswa yang ditawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan syarikat-syarikat GLC;
- (3) Kerajaan harus melaksanakan sistem merit yang berasaskan pencapaian akademik dan bukannya berasaskan politik kaum dan agama sebagai pertimbangan utama dalam melaksanakan dasar

pengambilan pelajar institusi pengajian tinggi awam. Selain itu, kerajaan harus menetapkan kriteria-kriteria pengambilan pelajar berasaskan keadaan sosioekonomi, keluarga tunggal, wilayah dan kecacatan kesihatan dalam penggubalan langkah-langkah untuk membantu golongan lemah agar mereka dapat mencapai tahap yang setanding dengan pelajar-pelajar lain.

#### 11. Melaksanakan sistem merit dalam pengambilan dan kenaikan pangkat ahli-ahli akademik

Pengambilan dan kenaikan pangkat ahli-ahli akademik di institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan hendaklah berasaskan kepada prestasi kerja dan kelayakan. Penggunaan sistem kuota sama ada yang jelas atau tidak jelas kelihatan itu dalam pengambilan dan kenaikan pangkat ahli-ahli akademik merupakan tindakan yang tidak rasional dan ini menjejaskan peluang golongan muda negara kita mendapat pendidikan berkualiti daripada pensyarah-pensyarah yang cemerlang.

#### Cadangan-cadangan:

- (1) Sistem merit harus dijadikan pertimbangan utama dalam pengambilan tenaga pengajar dan penyelidikan di IPTA negara kita;

- (2) Kriteria-kriteria yang jelas untuk menilai prestasi seseorang ahli akademik IPTA termasuk penilaian oleh pelajar hendaklah ditetapkan. Kriteria-kriteria ini dijadikan asas bagi menamatkan perkhidmatan atau menaikkan pangkat seseorang ahli akademik;
- (3) Kementerian Pengajian Tinggi harus melantik naib cancellor IPTA berketurunan Cina dan India memandangkan IPTA negara kita masih tidak mempunyai seorang pun naib cancellor berketurunan Cina dan India;
- (4) Pemilihan dan pelantikan orang-orang yang berkebolehan cemerlang ke jawatan-jawatan naib cancellor, timbalan naib cancellor dan dekan pusat pengajian di sesebuah IPTA hendaklah dijalankan tanpa mengira kaum dan kewarganegaraan.

## 12. Membangunkan pelbagai aliran pendidikan teknik dan vokasional di peringkat pengajian tinggi

Pembangunan pendidikan tinggi negara kita harus menambah baik tahap pencapaian tamatan kolej pendidikan teknik dan vokasional, serta kebolehan mereka mendapatkan pekerjaan. Negara kita perlu menambah baik pendidikan teknik dan vokasional di peringkat pengajian tinggi supaya ia lebih berkesan dan menarik agar menghasilkan modal insan yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing untuk menyokong pembangunan negara.

### Cadangan-cadangan:

- (1) Kerajaan harus menyediakan kurikulum pendidikan teknik dan vokasional yang menggunakan pelbagai jenis bahasa pengantar termasuk bahasa Cina dan bahasa Tamil. Selain itu, penyediaan persekitaran kampus yang menjaga cara hidup dan budaya pelbagai kaum adalah penting untuk menarik pelajar-pelajar berketurunan Cina dan India melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pendidikan teknik

dan vokasional yang ditubuhkan oleh kerajaan;

- (2) Kerajaan harus menubuhkan lebih banyak lagi institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional bagi memperkembangkan pendidikan tinggi negara kita;
- (3) Kerajaan harus membangunkan standard perindustrian mengikut kelayakan pendidikan teknik dan vokasional yang berbeza supaya melahirkan tenaga mahir yang berprestasi baik di peringkat antarabangsa dan serantau;
- (4) Kerajaan harus mengadakan kurikulum pendidikan teknik dan vokasional yang memenuhi keperluan pasaran dan membangunkannya ke tahap universiti bagi memperkukuhkan daya saing negara kita;
- (5) Kerajaan harus berusaha melahirkan lebih banyak tenaga mahir yang berkualiti melalui pendidikan dan latihan untuk mempertingkatkan *value chain* industri negara kita.

## C Penutup

Negara kita adalah sebuah negara yang berbilang kaum, bahasa, budaya dan agama. Oleh itu, pembangunan pendidikan negara hendaklah mencerminkan semangat ciri-ciri kepelbagaian tersebut. Pada hakikatnya, pendidikan bahasa ibunda yang berbilang aliran di negara kita merupakan satu aset dan daya saing kepada negara. Kelebihan negara kita ini tidak dimiliki oleh mana-mana negara lain.

Sekolah-sekolah pelbagai aliran di negara kita tidak harus diasing-asingkan kepada sekolah-sekolah di dalam arus perdana dan di luar arus perdana sistem pendidikan. Tindakan pengasingan itu menyebabkan sekolah-sekolah aliran pendidikan bahasa ibunda tertentu dipinggirkan daripada arus pembangunan pendidikan negara.

Kami bersetuju dengan gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak yang berkonsepkan pentadbiran negara secara

adil kepada semua kaum. Kami berharap kerajaan mengambil pendirian dan tindakan yang tegas dalam pelaksanaannya. Ini termasuk penubuhan 'Jawatankuasa Bebas Mengkaji Semula Dasar Pendidikan Negara' yang bertujuan mengkaji semula dan memperbaiki akta-akta, dasar-dasar dan langkah-langkah pendidikan sedia ada supaya memberi layanan yang sama rata kepada semua aliran pendidikan bahasa ibunda dalam sistem pendidikan negara kita. Usaha ini membantu ke arah pembinaan sebuah negara maju yang mencerminkan semangat ciri-ciri kepelbagaian masyarakat majmuk dan layanan yang sama rata kepada semua rakyat. Ini merupakan harapan kami terhadap Rancangan Malaysia Ke-10 yang digubal oleh kerajaan.

活动 / 专题

事件 / 专题

文献

图表与数据

编后语

编委会名单

**Daripada:**

1. Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Hua Zong)
2. Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia (Dong Zong)
3. Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong)
4. Jawatankuasa Koordinasi Tujuh Klan Utama Cina